



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY**

Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



Rujukan Kami
Tarikh

: PWN.Sel. 600-5/3/6 (8)
: 28 Januari 2022

Senarai Edaran Seperti di Lampiran

YB Dato' / YB Dr / YBhg. Dato' / Tuan / Puan

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2022 :
GARIS PANDUAN BAYARAN CUKAI TANAH SECARA 'HOST TO HOST BANKING'
OLEH SYARIKAT TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Surat arahan operasi ini dikeluarkan bagi menjelaskan tatacara pembayaran cukai tanah secara pukal bagi tanah-tanah milik TNB melalui kaedah pembayaran 'Host to Host Banking' ke Akaun Bendahari Negeri Selangor. Apabila kaedah ini dilaksanakan, pembayaran oleh TNB akan dibuat secara pukal melibatkan semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan pengurusan terimaan hasil cukai tanah TNB akan dipusatkan kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) bagi pengeluaran resit dan penyata pemungut.

3. Arahan Operasi ini berkuatkuasa mulai **28 Januari 2022**.

Sekian, terima kasih

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjafankan amanah,


(DR. SHAHRIL BAHARIM) C.A(M), FCMA, CGMA
Bendahari Negeri
b.p YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Salinan kepada:

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
2. YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor
3. Encik Mohamad Amierul bin Biran Kutty
Tenaga Nasional Berhad
No 129 Jalan Bangsar
59200 KUALA LUMPUR



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : QMS 0070

Senarai Edaran:

1. Pengarah
Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM
2. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Petaling
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
No 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5
40150 SHAH ALAM
3. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Klang
Jalan Kota
41290 KLANG
4. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman
Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
5. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat
Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah
Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9
43650 BANDAR BARU BANGI
6. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan
44000 KUALA KUBU BHARU
7. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sepang
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 SEPANG
8. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah
Kota Seri Langat (Sungai Sedu)
42700 BANTING

9. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Kuala Selangor
45000 SELANGOR DARUL EHSAN
10. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Sabak Bernam
45300 SUNGAI BESAR

GARIS PANDUAN BAYARAN CUKAI TANAH SECARA '*HOST TO HOST BANKING*' OLEH SYARIKAT TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan bagi kaedah penerimaan hasil bayaran cukai tanah oleh Syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) secara '*Host To Host Banking*' melibatkan pihak Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTGS) (rujuk kepada para 3.7).
- 1.2 Garis panduan ini adalah penting bagi mengelakkan risiko wujudnya Kumpulan Dana di dalam Akaun Bendahari Negeri Selangor yang tidak dikenalpasti sumber atau puncanya.

2. LATAR BELAKANG DAN JUSTIFIKASI

- 2.1 Kebenaran ini diberi berdasarkan kepada permohonan dari TNB melalui rujuk surat TNB/PSD/UPT 14/4/1 (VMD) bertarikh 7 Januari 2022.
- 2.2 Norma pembayaran cukai tanah oleh TNB pada ketika ini adalah secara Telegrafik Transfer (TT) yang mempunyai kekangan dari segi penyediaannya diperingkat TNB yang mengambil masa dan juga kelewatan oleh pihak bank untuk mengemukakan salinan TT kepada TNB untuk dimajukan kepada PTGS sebagai bukti pembayaran.
- 2.3 Sebagai alternatif, '*Host to Host Banking*' adalah merupakan kaedah bayaran yang dicadangkan oleh TNB bagi mengatasi masalah ini. '*Host to Host Banking*' ini hanya melibatkan pihak TNB dan penerima sahaja di mana pembayaran dibuat terus kepada akaun Bendahari Negeri Selangor sama seperti pembayaran melalui perbankan internet akaun persendirian sebagai contoh '*Maybank2u dan CIMB Clicks*'.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Bayaran perlu dibuat menggunakan akaun Bendahari Negeri Selangor seperti butir berikut:

3.1.1 Nama Akaun Bank : Bendahari Negeri Selangor

3.1.2 Bank : CIMB Bank Berhad

**3.1.3 Alamat Bank : Plaza Azalea, Shah Alam,
Ground & First Floor,
Lot 12&13, Plaza Azalea, Persiaran
Bandaraya
Seksyen 14, 40000 Shah Alam Selangor**

3.1.4 No Akaun Bank : 8001954651

3.1.5 No ID Bank : GB0001272F

- 3.2 TNB perlu memasukkan kod bayaran di ruangan perihal bayaran seperti di bawah:

PDTPTGS	-	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
PDT01	-	PDT Sabak Bernam
PDT02	-	PDT Kuala Selangor
PDT03	-	PDT Hulu Selangor
PDT04	-	PDT Klang
PDT05	-	PDT Petaling
PDT06	-	PDT Kuala Langat
PDT07	-	PDT Sepang
PDT08	-	PDT Hulu Langat
PDT09	-	PDT Gombak

- 3.3 Kod bayaran ini perlu diikuti dengan catatan **Cukai Tanah TNB**. Contoh perihal bagi PDT Petaling seperti berikut :

PDT05 Cukai Tanah TNB

- 3.4 Bayaran dibuat mengikut kod daerah dan bilangan hakmilik bagi satu transaksi adalah dihadkan sebanyak 500 hakmilik sahaja.
- 3.5 Kod PDT dan perihal adalah maklumat penting bagi Bendahari Negeri mengetahui dan mengenalpasti sumber terimaan untuk tujuan perekodan, perakaunan dan kawalan aliran tunai Kerajaan Negeri melalui Penyesuaian Bank.
- 3.6 TNB perlu mengemukakan dokumen slip pindahan bank secara e-mel kepada Bahagian Pengurusan Dana Dan Terimaan, Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) di alamat emel G_PWNDana@selangor.gov.my.
- 3.7 Bahagian Pengurusan Dana Dan Terimaan, PNS akan membuat pengesahan pembayaran cukai tanah dengan menghantar notifikasi kepada PTGS.
- 3.8 PTGS hendaklah menyediakan resit dan penyata pemungut bagi memperakaunkan terimaan tersebut. Tiada keperluan bagi semua PDT untuk menyediakan resit dan penyata pemungut kerana tanggungjawab ini telah dipusatkan kepada PTGS.
- 3.9 Seluruh proses kaedah pelaksanaan ini digambarkan di dalam Carta Alir seperti di **Lampiran 1**.

4. LIMITASI.

4.1 Bayaran selain daripada yang dinyatakan di para 1.1 adalah **tidak dibenarkan.**

5. TARIKH KUATKUASA.

Garis panduan ini berkuatkuasa pada **28 Januari 2022.**

Sekian, terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. SHAHRIL BAHARIM) C.A(M), FCMA, CGMA
Bendahari Negeri

**CARTA ALIR BAYARAN CUKAI TANAH SECARA 'HOST TO HOST' BANKING OLEH
SYARIKAT TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)**

TANGGUNGJAWABPROSES KERJA

Tarikh Kemaskini

: 26 Jan 2022 Versi 1.1